



SIARAN MEDIA

JELAJAH JMKU PULAU PINANG DI BERTAM TAWAR PENJIMATAN SEHINGGA 40 PERATUS UNTUK RAKYAT

BERTAM, 26 APRIL – Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong, hari ini melancarkan Program Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan (JMKU) 2026 peringkat Pulau Pinang yang bermula di Bertam.

JMKU merupakan antara inisiatif utama Kerajaan MADANI melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) untuk menawarkan barangan keperluan pada harga lebih rendah daripada pasaran kepada rakyat.

Di bawah tema “*Memperkasa Koperasi dan Usahawan, Memacu Ekonomi MADANI*”, jualan di Bertam ini menawarkan diskaun 20 peratus bagi pelbagai barangan asas utama seperti beras, minyak masak, gula, tepung gandum serta ayam dan daging segar.

Selain itu, pengunjung turut menikmati penjimatan sehingga 40 peratus menerusi jualan Happy Hour dari jam 11.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, merangkumi diskaun 30 peratus oleh KUSKOP dan SKM serta tambahan diskaun khas 10 peratus yang diumumkan ADUN Bertam, YB Dato Sri Reezal Merican.

Antara tawaran semasa Happy Hour adalah seperti berikut:

Item	Harga Asal	Diskaun 40%
Ayam	RM15/ekor	RM8/ekor
Daging segar	RM32/kg	RM19.80/kg
Ikan termenung lemak	RM14-RM18/kg	RM6/kg
Ikan siakap	RM15-RM18/kg	RM7.20/kg
Udang harimau	RM40-RM50/kg	RM21/kg
Beras	RM22.50/5kg	RM13.50/5kg
Minyak	RM31/5kg	RM18.60/5kg
Telur	RM8.50 (bagi 30 biji saiz C)	RM5.10 (bagi 30 biji saiz C)

Menurut YB Steven Sim, pelancaran JMKU di Bertam menandakan permulaan siri program ini yang akan diperluaskan ke pelbagai lokasi lain di seluruh Pulau Pinang bagi memastikan manfaat kesejahteraan ini dirasakan secara inklusif oleh seluruh rakyat.

Beliau berkata, selain memberi manfaat kepada pengguna, JMKU juga menjadi platform sokongan kepada peniaga kecil dan koperasi untuk merancakkan ekonomi domestik. Seramai 10 usahawan kecil dan koperasi menyertai jualan ini sebagai penjual, sekali gus memastikan masyarakat mendapat akses kepada produk berkualiti, segar dan pada harga kompetitif.

“Apabila koperasi kuat, kita mampu membantu mengawal harga, menstabilkan bekalan dan paling utama, keuntungan itu kembali semula kepada anggota serta masyarakat dalam bentuk dividen dan manfaat sosial. Inilah inti pati Ekonomi MADANI yang inklusif, adil dan menyeluruh,” katanya.

Selain jualan barangan asas, KUSKOP turut menyediakan lapan (8) kaunter khidmat bagi memberi bimbingan terus kepada usahawan berkaitan pemerkasaan perniagaan, nasihat serta akses pembiayaan.

Antara agensi di bawah KUSKOP yang menyediakan khidmat nasihat dan pembiayaan usahawan ialah Bank Rakyat, SME Bank, Amanah Ikhtiar Malaysia dan TEKUN Nasional. Turut serta menyediakan kaunter khidmat pelanggan ialah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), PERKESO, Zakat MAINPP dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Program ini dianjurkan oleh KUSKOP bersama SKM, dan turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri Bertam, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
26 APRIL 2026**